

Briged Sukarelawan Khidmat Negara

Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) akan menubuhkan Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) secara kursus kokurikulum ber-credit di universiti itu dan seterusnya menjadi perintis serta model penubuhan BSKN di universiti lain.

Penyelaras Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI), Dr Mohd Faisal Ibrahim, berkata beberapa siri pertemuan diadakan bersama-sama pihak JLKN bagi membincangkan penubuhan BSKN berkaitan penubuhan dan pelaksanaan BSKN sebagai kursus kokurikulum ber-credit berjaya dimuktamadkan.

"USIM akan memeterai memorandum perjanjian (MoA) bersama-sama pihak JLKN dalam masa terdekat dan dijangkakan penawaran kursus BSKN ini akan dibuka kepada pelajar pada sesi akademik September ini.

"Mengenai kaedah pengambilan dan pemilihan pelajar, kursus ini ditawarkan khusus kepada bekas pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan mereka akan dibimbing tenaga pengajar dan jurulatih bertauliah JLKN, manakala proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan dalam bentuk teori dan praktikal serta bimbingan," katanya.

Beliau berkata, kursus kokurikulum ber-credit BSKN itu akan dijalankan secara mingguan dengan pelaksanaan aktiviti kokurikulum pada peringkat universiti, manakala program latihan luar selama tiga hari dua malam pula akan diadakan pada setiap semester.

Katanya, program kesukarelawan yang memberikan impak berkesan akan turut diadakan pada setiap semester dengan dikelolakan sepenuhnya sukarelawan BSKN sendiri sebagai projek akhir mereka.

"Kursus Kokurikulum BSKN IPT ini akan dilaksanakan selama empat semester pengajian dengan diberikan jumlah nilai empat jam kredit iaitu satu jam kredit bagi setiap semester. Apabila tamat nanti, mereka ini akan ditauliahkan sebagai Leftenan Muda BSKN IPT," katanya.